

Representasi Budaya dalam Kit Video Pembelajaran Bahasa Melayu untuk Penutur Asing: Analisis Teori Sosiokognitif

Cultural Representation in Malay Language Learning Video Kit for Non-Native Speakers: A Socio-Cognitive Theory Analysis

YUSMANIZA MOHD YUSOFF, NOR HASHIMAH JALALUDDIN, JUNAINI KASDAN & HASNAH MOHAMAD

ABSTRAK

Pembelajaran bahasa seharusnya diiringi dengan pembelajaran mengenai budaya masyarakat sesuatu bahasa itu kerana manusia cepat belajar melalui proses peniruan. Pembelajaran bahasa Melayu akan menjadi lebih menyeronokkan dan berinteraktif jika budaya masyarakatnya menjadi asas pembelajaran. Pembelajaran bahasa Melayu kepada penutur asing sudah sekian lama menggunakan modul pembelajaran bahasa yang lebih berfokus kepada bantuan guru sepenuhnya. Namun, bantuan guru sahaja tidak cukup untuk memperkenalkan budaya masyarakat Malaysia yang pelbagai kepada penutur asing. Justeru, apakah bahan bantu yang boleh digunakan oleh penutur asing untuk mempelajari bahasa Melayu sekiranya tidak menghadiri kelas formal, namun masih boleh mempelajari budaya? Kini, pembelajaran berbantu komputer menjadi dimensi pembelajaran yang baru dalam dunia pendidikan kerana kemudahan komputer membantu mewujudkan pembelajaran secara interaktif dan menyeronokkan. Walaupun begitu, pembelajaran menggunakan modul bertulis perlu dikekalkan kerana masih penting. Unsur budaya yang direpresentasikan melalui kit multimedia berbentuk video membolehkan pembelajaran bahasa Melayu bukan sekadar dipelajari, malah diamati sehingga seterusnya diperlakukan secara fizikal. Kit video sebagai alat bantu alternatif tersebut dapat membantu penutur asing mempelajari bahasa dan budaya masyarakat Malaysia secara sendiri. Oleh itu, kajian ini akan membincangkan tentang kit video bahasa Melayu untuk penutur asing yang dibangunkan menggunakan model reka bentuk pembelajaran ADDIE. Seterusnya, kebolegunaan kit video tersebut dianalisis melalui kaca mata Teori Sosiokognitif yang menekankan pembelajaran melalui pemerhatian dan pemodelan.

Kata kunci: Kit video bahasa Melayu; modul pembelajaran bahasa Melayu; budaya Melayu; ADDIE; Teori Sosiokognitif

ABSTRACT

The learning of language should be followed by learning about the societal cultures of that particular language as human learn faster through the imitation process. Learning of Malay language will be more interactive if a culture can be made as the learning basis. Nevertheless, teachers' assistance alone is not sufficient to introduce the various Malaysian cultures to these non-native speakers. Thus, what supporting material can be used by the foreign speakers in learning the Malay language if they do not attend formal classes, but still be able to learn about the cultures? Nowadays, computer assisted learning has become the new learning approach in the academic world as computers is seen as a good supporting instrument in creating interesting and interactive learning environment. At the same time, learning through standard module needs to be maintained too. The cultural elements represented by multimedia video's kit enabling the learners to practice the culture of the society. The video kit as an alternative tool is perceived to aid the foreign speakers to empower the language and culture independently. Therefore, this research will discuss Malay language video kit for foreign speakers developed using the ADDIE learning design model. Subsequently, the usability of the video kit was analyzed through Sociocognitive Theory that emphasized learning through observation and modeling.

Keywords: Malay language video kit; Malay language learning modules; Malay culture; ADDIE; Sociocognitive Theory

PENGENALAN

Bahasa merupakan wadah berkomunikasi antara sesama manusia. Sementara berbahasa pula merupakan satu kegiatan manusia untuk berhubung sesama sendiri demi kelangsungan hidup bersama.

Bahasa Melayu yang pernah menjadi *lingua franca* pada zaman kegemilangannya amat berpengaruh bukan sahaja di dalam negara, tetapi juga sehingga ke peringkat antarabangsa. Perkembangan bahasa telah menjadikannya sebagai satu ciri kebudayaan. Menurut Huntington (1996), hal yang terpenting

dalam budaya meliputi bahasa, budaya, tradisi, dan kebiasaan. Bahasa merupakan alat ekspresi budaya. Masyarakat dan bahasa saling berkait. Pada umumnya, manusia saling bergantung dan memerlukan antara satu sama lain. Maka, melalui bahasa, secara tidak langsung masyarakat membentuk kesatuan atau kelompok dalam kalangan mereka yang menggunakan bahasa yang sama untuk berkomunikasi.

Justeru, mempelajari sesuatu bahasa tidak akan terlepas daripada mempelajari budaya dan bagaimana bahasa tersebut digunakan oleh penuturnya dalam sehari-hari sebagaimana yang dikiaskan di dalam pepatah 'Bahasa Jiwa Bangsa' dan 'Budi Bahasa Budaya Kita'. Bahasa menjadi simbolik kepada budaya kerana bahasa mengandungi pelbagai nilai budaya. Para penutur asing yang ingin mempelajari bahasa Melayu dalam masa yang singkat dan berkesan perlu mengamati penggunaan bahasa dalam kebudayaannya. Menurut Liddicoat et al. (2003), bahasa tidak semata-mata struktural, namun juga komunikatif dan bersifat sosial. Pembelajaran bahasa Melayu seharusnya menyelitkan unsur budaya supaya para pelajar atau penutur asing dapat mempelajari bahasa Melayu melalui pemahaman mengenai budayanya. Hal ini kerana pengajaran bahasa asing menitikberatkan komunikasi walaupun ia bukan sekadar tentang pertukaran maklumat dan penghantaran mesej seperti yang ditekankan oleh konsep pengajaran bahasa melalui komunikasi. Dalam erti kata lain, berbahasa bukan sekadar 'tahu bahasa' dan 'petah berkata-kata' semata tetapi turut ditekankan dengan amalan 'berbudi bahasa'. Justeru, komunikasi akan berlangsung dengan baik mengikut nilai-nilai kebudayaan dalam masyarakat bahasa sasaran. Dalam kajian ini, penulis akan memperlihatkan unsur-unsur budaya yang terdapat dalam percakapan masyarakat Malaysia melalui saluran kit pembelajaran bahasa Melayu yang akan dijadikan sebagai bahan pembelajaran kepada penutur asing yang akan dihuraikan menggunakan Teori Sosiokognitif.

PERKAITAN ANTARA BAHASA DAN BUDAYA

Bahasa diertikan sebagai lambang, simbol atau sistem bunyi yang bermakna untuk mengekspresikan perasaan dan fikiran. Keraf (1997) menyatakan bahasa sebagai alat komunikasi antara anggota masyarakat berupa simbol bunyi yang dihasilkan

oleh alat ucap manusia. Dalam erti kata lain, bahasa merupakan satu sistem komunikasi yang menggunakan bunyi, isyarat atau simbol dengan pengertian yang tidak harus digunakan sewenang-wenang, tetapi mempunyai struktur. Menurut Syed Ismail & Ahmad Subki (2010), bahasa mempunyai pelbagai fungsi dalam masyarakat seperti menyampaikan maklumat antara penutur dan pendengar (fungsi komunikatif), supaya pendengar menyambut (fungsi apelatif), menggambarkan sesuatu, menyatakan perasaan (fungsi ekspresif), atau menaakul kebijaksanaan (fungsi kognitif). Bahasa mengalami perubahan berdasarkan kesesuaian dengan organisasi sosial, pertembungan dengan masyarakat dan budaya lain, kelas sosial, jantina, pekerjaan, umur, status dan sebagainya.

Budaya pula dirujuk sebagai perkataan yang diambil daripada bahasa Sanskrit, iaitu *buddhi* yang bermaksud budi atau akal. Oleh itu, budaya merupakan perkara yang bersangkutan dengan budi dan akal manusia. Kebudayaan pula merupakan sistem pengetahuan yang meliputi sistem idea atau gagasan yang terdapat dalam fikiran manusia sehingga dalam kehidupan sehari-hari. Sedangkan kewujudan kebudayaan adalah benda-benda yang diciptakan oleh manusia sebagai makhluk yang berbudaya, berupa perilaku dan benda-benda yang bersifat nyata, misalnya pola-pola perilaku, bahasa, peralatan hidup, organisasi sosial, agama, seni, yang kesemuanya ditujukan untuk membantu manusia melangsungkan kehidupan bermasyarakat sebagaimana yang disebut oleh Koentjaraningrat (1989), kebudayaan merupakan satu sistem gagasan, tindakan, dan hasil karya manusia dalam rangka memenuhi kehidupan bermasyarakat. Elly Rossana (2017) menyimpulkan makna kebudayaan sebagai hasil karya, rasa dan cipta manusia yang berupa buah fikiran, gagasan, norma, idea, dan aktiviti manusia untuk memenuhi keperluan hidupnya. Kehidupan satu-satu kelompok sosial dipengaruhi oleh alam sekeliling, yang meliputi semua bentuk, sama ada yang berupa kebendaan ataupun bukan kebendaan. Maka, budaya atau kebudayaan merupakan cara hidup, kepercayaan, lambang, nilai kemasyarakatan, dan objek kebendaan yang diwarisi secara turun-temurun. Budaya itu bersifat abstrak dan kompleks, malah budaya boleh ditonjolkan secara tersirat dan tersurat.

Apabila seseorang itu berbahasa, secara tidak langsung akan menonjolkan norma-norma budaya dan norma-norma inilah yang dikatakan sebagai etika berbahasa. Menurut Khairi (2013),

etika berbahasa berkait dengan pemilihan kod bahasa, norma-norma sosial, dan sistem budaya yang berlaku dalam sesebuah masyarakat. Berikut merupakan etika berbahasa;

1. Perkara yang harus dikatakan pada waktu dan keadaan tertentu kepada pendengar berkenaan dengan status sosial dan budaya dalam masyarakat tersebut.
2. Ragam bahasa yang paling wajar digunakan.
3. Masa dan cara memanfaatkan giliran berbicara dan membalas pembicaraan orang lain.
4. Waktu yang sesuai untuk diam dan berhenti bercakap.
5. Kualiti suara dan kelakuan fizikal sewaktu berbicara.

Seseorang itu boleh dikenali daripada negara asalnya atau agama yang dianuti berdasarkan bahasa dan gaya bicaranya. Hal ini kerana dalam bahasa itu sendiri terkandung unsur budaya dan budaya itu melambangkan identiti sesebuah masyarakat atau bangsa. Bahasa merupakan salah satu komponen budaya yang memiliki simbol budaya sehingga menggunakan bahasa membolehkan pemindahan budaya berlaku. Bagi seseorang penutur asing yang ingin mempelajari bahasa baru, contohnya bahasa Melayu, pembelajaran akan menjadi lebih mudah dan menyeronokkan kerana mereka tidak terikat pada bentuk-bentuk pembelajaran yang struktural, tetapi mereka mempelajari budaya berdasarkan aspek-aspek sosiobudaya. Justeru, penguasaan bahasa asing yang baik memberikan tumpuan kepada cara seseorang memilih bentuk bahasa yang sesuai dengan konteks sehingga perlunya pemahaman terhadap budaya penutur bahasa tersebut. Kekurangan pemahaman budaya ini akan mengakibatkan kesalahan dalam berbicara dan mengelirukan masyarakat natif sesuatu bahasa.

PERNYATAAN MASALAH

Kajian lampau mengenai pembelajaran bahasa Melayu untuk penutur asing sudah lama mendapat perhatian oleh beberapa orang pengkaji tempatan berdasarkan pemfokusan aspek-aspek tertentu. Pengkajian mengenai aspek sikap dan motivasi pelajar dalam mempelajari bahasa asing telah dibincangkan dalam kajian Zaliza & Zaitol Azma (2014), dan Ayuni & Rohaidah (2016). Zaliza & Zaitol Azma (2014) membuktikan pelajar asing daripada pelbagai buah negara yang mengikuti

kursus bahasa Melayu sebagai bahasa ketiga di Universiti Teknologi Malaysia menunjukkan sikap yang positif dan motivasi yang tinggi ketika mempelajarinya bersama tenaga pengajar. Namun, faktor persekitaran tidak membantu menaikkan motivasi mereka kerana penduduk tempatan kurang berkomunikasi dalam bahasa Melayu dengan mereka.

Ayuni & Rohaidah (2016) mengkaji hubungan faktor ekstralinguistik yang mempengaruhi pencapaian pembelajaran bahasa kedua dalam kalangan pelajar asing di 5 buah universiti di Malaysia. Kajian mereka memperlihatkan pengaruh motivasi dalaman (intrinsik) dan luaran (ekstrinsik) dalam menentukan sikap pelajar asing terhadap pembelajaran bahasa Melayu. Hasil daripada kajian mereka mendapati pembelajaran bahasa Melayu harus diiringi dengan motivasi intrinsik lebih tinggi berbanding motivasi ekstrinsik dalam mempelajari bahasa Melayu. Pembelajaran jangka masa panjang dapat membentuk sikap efikasi sendiri yang tinggi berbanding mempelajarinya sekadar untuk memenuhi motivasi luaran seperti syarat lulus pengajian, meningkatkan taraf sosial, mendapatkan pekerjaan, dan memperoleh gaji yang tinggi.

Selanjutnya, kajian yang menumpukan kepada strategi dan teknik pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu ditemukan dalam kajian Yong Chyn Chye et al. (2010), Noor Zuhidayah & Siti Saniah (2016) dan Roshidah (2017). Kajian Yong Chyn Chye et al. (2010) dijalankan terhadap pelajar tahun pertama Universiti Multimedia mendapati bahawa pelajar lebih cenderung bergantung kepada pensyarah untuk mempelajari bahasa Melayu. Oleh itu, beliau menyarankan agar perancangan pengajaran dan pembelajaran bahasa disusun secara teratur dan berkesan di setiap institusi pengajian tinggi. Noor Zuhidayah & Siti Saniah (2016) telah mengkaji pelajar Jerman di negara Jerman dan turut mendapati bahawa majoriti pelajar bergantung kepada pembelajaran di dalam kelas dan menumpukan strategi memberikan perhatian kepada guru. Kajian oleh Roshidah (2017) mendapati strategi pembelajaran yang paling diminati oleh pelajar Perancis di Paris adalah gaya pembelajaran yang bersifat visual berbanding audio dalam kemahiran mendengar, manakala bagi kemahiran bertutur pula, didapati mereka banyak memilih hanya bertutur dalam bahasa Melayu apabila mereka pasti apa yang ingin dikatakan supaya tidak dianggap bodoh. Hasil analisis beliau mendapati pelajar menggunakan strategi ingatan, metakognitif,

afektif, dan sosial sebagai strategi pembelajaran mereka.

Berdasarkan sorotan kajian tersebut, didapati bahawa kebanyakan kajian menumpukan kepada pelajar asing yang mengikuti kelas pembelajaran bahasa Melayu sahaja, namun tidak mengambil kira masyarakat umum warga asing dari serata dunia. Jadi, bagaimanakah jika seseorang warga asing yang bermotivasi untuk mempelajari bahasa Melayu tetapi tidak mampu daripada segi kos yuran yang mahal, kekangan jarak kelas yang jauh, dan tiada masa untuk mengikuti kelas tersebut? Zaliza & Zaitol Azma (2014) dan Ayuni & Rohaidah (2016) telah membuktikan adanya pengaruh motivasi instrinsik dan ekstrinsik pelajar yang akan mempengaruhi keberkesanan pembelajaran bahasa Melayu mereka. Hal ini bermakna pembelajaran bahasa asing bukan bertujuan untuk lulus peperiksaan sahaja. Tidak dinafikan belajar bersama guru sangat membantu pembelajaran bagi mereka yang perlu bimbingan apatah tidak memiliki sebarang pengetahuan mengenai bahasa yang asing bagi mereka. Namun, bantuan guru sahaja tidak cukup untuk menaikkan motivasi mereka kerana guru sendiri memiliki tahap kemahiran mengajar yang berbeza. Faktor sosial dan persekitaran juga sangat penting bagi memberi kesan jangka panjang kepada pelajar tersebut. Nur Fadilah et al. (2017) ada menyebut, dalam mencapai kejayaan dalam pembelajaran bahasa, para pelajar memerlukan pembelajaran secara sendiri. Menurut beliau, pembelajaran bahasa perlu diberikan penekanan kepada aspek kognitif pada abad ke-21 kerana kini keutamaan adalah kepada pelajar dan pembelajaran bukan lagi berfokuskan guru semata-mata. Maka dengan itu, saranan pelbagai strategi pembelajaran yang lebih berkesan sekali gus mampu menaikkan motivasi belajar yang lebih menyeronokkan bukan hanya terhad kepada pembelajaran di dalam kelas sahaja. Oleh itu, kajian ini menyahut cabaran pembelajaran alaf baru dengan memperkenalkan kit video pembelajaran bahasa Melayu yang berkonsepkan pembelajaran sendiri yang berinteraktif.

METODOLOGI KAJIAN

Perbincangan dalam kajian ini hanya akan berfokuskan kepada kit video yang terkandung dalam kit pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu untuk penutur asing yang terbina menggunakan model reka bentuk pembelajaran

ADDIE. Pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu kepada penutur asing semakin rancak dijalankan sehingga ke peringkat antarabangsa dari tahun ke tahun. Perkembangannya seiring dengan kemajuan teknologi pada satu-satu masa. Rajah 1 berikut memperlihatkan perkembangan pembelajaran Bahasa Melayu kepada penutur asing:



RAJAH 1. Perkembangan pembelajaran bahasa Melayu kepada penutur asing

Sebelum kit pembelajaran bahasa Melayu dibangunkan, pengkaji telah menjalankan kaedah kepustakaan. Hal ini bertujuan mendapatkan bahan yang sesuai, yang dapat dimanfaatkan untuk membina semula modul yang berpotensi untuk dijadikan sebagai modul pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu yang standard untuk penutur asing. Pembelajaran Bahasa Melayu untuk penutur asing perlu melalui peringkat-peringkat yang sesuai dengan pengetahuan pelajar. Antara pedoman pemeringkatan tahap yang biasa digunakan ialah *Common European Framework of Reference for Languages* (CEFR). Pedoman ini menetapkan enam tahap kecekapan penutur bahasa, iaitu A1, A2, B1, B2, C1, C2. Namun, bagi tujuan kajian ini, tumpuan diberikan kepada tahap asas sahaja, iaitu tahap A1 dalam CEFR. Sasaran pada tahap asas adalah penutur dapat menggunakan ungkapan harian dan frasa asas yang bertujuan memenuhi keperluan hariannya, di samping dapat memperkenalkan diri kepada orang lain, melakukan pengiraan nombor dan penggunaan mata wang ringgit Malaysia, dan boleh bertanya serta menjawab soalan mengenai butiran penting, seperti tempat tinggal, orang yang dikenali dan perkara yang dimiliki. Tumpuan tahap asas juga adalah supaya penutur dapat berinteraksi dan memahami ayat-ayat mudah yang dituturkan secara perlahan-lahan serta berkelakuan selaras dengan tujuan komunikasi yang sedang berlangsung. Justeru, pada peringkat asas, topik pembelajaran adalah berkenaan dengan perbualan-perbualan penting yang digunakan seharian dan tidak terlalu sarat. Ayat-ayat yang digunakan tidak terlalu

panjang dan kompleks tetapi memadai sekadar berkait dengan topik-topik tertentu menggunakan ayat mudah.

Selaras dengan perkembangan teknologi dalam dunia pendidikan, selain keperluan pembelajaran bahasa Melayu secara sendiri tanpa bantuan guru, iaitu pembelajaran di luar bilik darjah, kaedah pembelajaran ini menggabungkan bahan pembelajaran bertulis dan video. Walaupun kaedah ini bukan sesuatu yang baharu, namun bagi pembelajaran bahasa Melayu untuk penutur asing, kaedah ini masih sangat terhad penggunaannya. Hal ini kerana penghasilan video memerlukan kos yang tinggi, baik daripada segi kepakaran, kemahiran, kesungguhan, masa, mahupun biaya. Pembinaan kit pembelajaran bahasa Melayu ini memuatkan dua bahan pembelajaran, iaitu modul bertulis dan modul multimedia dalam bentuk video. Pembinaan modul multimedia merangkumi teks, audio (suara) dan video. Video pembelajaran yang dihasilkan adalah berkaitan dengan tema-tema perbualan seharian masyarakat di Malaysia. Setiap video akan memaparkan situasi perbualan yang biasa terjadi berdasarkan setiap tema yang dipersembahkan. Berikut merupakan tema perbualan yang terkandung dalam kit video tersebut:

1. Sapaan
2. Pengenalan tentang keluarga
3. Urusan di kaunter
4. Masa dan arah
5. Nombor telefon, angka dan alamat rumah
6. Alam sekitar dan cuaca
7. Makanan
8. Perayaan
9. Pekerjaan
10. Pengenalan tentang permainan rakyat/tradisional Melayu.
11. Cuti Umum

Kesemua tema perbualan yang dipilih merepresentasikan unsur kebudayaan masyarakat Malaysia yang majoritinya ialah kaum Melayu, China dan India. Bagi tujuan perbincangan, kajian ini hanya akan memberikan tumpuan kepada dua tema sahaja, iaitu tema sapaan dan urusan di kaunter yang memiliki perkaitan daripada segi budaya. Perbincangan tersebut hanya diberikan tumpuan kepada data video dalam modul multimedia iaitu kit video sahaja.

Selanjutnya, pembinaan kit video secara terancang ini mengaplikasikan model reka bentuk pembelajaran bahasa ADDIE yang diperkenalkan

oleh Rosset (1987). ADDIE merupakan akronim kepada *Analyze* (Analisis), *Design* (Reka bentuk), *Develop* (Pembangunan), *Implement* (Pelaksanaan), dan *Evaluate* (Penilaian). Kerangka ini merupakan salah satu model reka bentuk berarahan yang dijadikan panduan untuk mereka bentuk sistem pengajaran dan pembelajaran individu, jarak jauh, dan jangka panjang (Branch 2009). Pembelajaran tersebut menggunakan pendekatan mengenai pengetahuan dan pembelajaran manusia. ADDIE merupakan konsep pembangunan produk. Model ADDIE dikembangkan sebagai model pembelajaran yang berinovasi kerana dapat menjadikan proses pembelajaran bahasa secara sistematik dan efektif yang dikemas kini dalam proses pembelajaran. Kit pembelajaran bahasa yang cuba dibangunkan akan melalui tahap-tahap pembinaan model reka bentuk ADDIE sebagaimana berikut:

A – *Analysis* (Analisis)

- Menganalisis persekitaran, pengguna, matlamat pembelajaran dan keperluan untuk pembelajaran bahasa tersebut

D – *Design* (Reka bentuk)

- Mengenal pasti reka bentuk bahan pembelajaran, struktur, pendekatan pengajaran, teori pembelajaran, jenis media dan teknologi yang sesuai.
- Merangka pembelajaran bahasa Melayu secara tahap asas mengikut sukatan pembelajaran bahasa kebangsaan oleh MQA.
- Reka bentuk pembelajaran adalah secara berstruktur di mana permulaannya adalah mengenali huruf, vokal dan konsonan, sistem bunyi dan suku kata bahasa Melayu, dialog perbualan dua hala dalam bentuk video, dan latihan pengukuhan seperti mendengar, membaca, dan bertutur.

D – *Development* (Pembangunan)

- Membangunkan bahan pembelajaran mengikut spesifikasi keperluan yang bersesuaian dengan matlamat pembelajaran.


I – *Implement* (Pelaksanaan)

- Model pembelajaran bahasa iaitu kit video dibina dalam keadaan sebenar.

E – *Evaluation* (Penilaian)

- Menilai output, sama ada memenuhi matlamat pembinaan ataupun tidak.
- Penilaian formatif dilakukan terhadap semua tahap untuk memastikan kebergunaannya.

Ringkasannya, aliran kerja model ADDIE digambarkan sebagaimana berikut:



RAJAH 2. Aliran kerja model reka bentuk ADDIE

TEORI SOSIOKOGNITIF DAN PERANANNYA

Dalam konteks kajian ini, proses pembelajaran bahasa untuk penutur asing sangat berkaitan dengan kognisi dan persekitaran sosial pelajar. Justeru, pengkaji memilih untuk melihat objektif yang disasarkan melalui kaca mata teori belajar sosial iaitu Teori Sosial Kognitif (Bandura 1986). Teori tersebut bermula sebagai Teori Pembelajaran Sosial pada tahun 1960 oleh Albert Bandura. Istilah sosial kognitif terus menyebar dan terdifusi dalam kalangan penganut Teori Sosial Kognitif, sehingga teori ini kini lebih dikenali dengan nama Teori Sosiokognitif. Istilah Sosiokognitif tersebut pertama kali dikemukakan oleh Atkinson (2002) sebagai hibrid atau gabungan daripada istilah sosial dan kognitif. Istilah Sosiokognitif merupakan gabungan kata sosial dan kognitif yang meliputi unsur sosial termasuk budaya dan fenomena kognitif, yang berhubungan erat dengan bahasa dan pembelajaran bahasa (Nor Hashimah et al. 2010). Istilah Sosiokognitif digunakan berdasarkan keyakinan bahawa bahasa dan pemerolehan bahasa bersifat sosial dan kognitif:

The term socio-cognitive is proposed by Atkinson as the hybrid of the social and the cognitive. The social is related to what is going on in the outside world; the cognitive is related to what is going on in the inside world. It is based on the belief that language and language acquisition are social and cognitive. Socio-cognitive, made up from socio and cognitive, covers both the social (including cultural) and cognitive phenomena, which are closely related to language and language learning.

(Atkinson 2002)


Dalam konteks kebahasaan, teori ini menegaskan bahawa kejayaan seseorang untuk menguasai sesuatu bahasa banyak bergantung kepada sikap individu itu sendiri (Junaini 2011). Teori Sosiokognitif mempertimbangkan persekitaran sosial di mana individu melakukan tingkah laku selain mengambil kira pengalaman seseorang individu. Pengalaman masa lalu ini mempengaruhi kekuatan, harapan, dan jangkaan, yang semuanya mempengaruhi individu itu sama ada perlu atau tidak membuat tindakan tertentu dan akibat daripada melakukan perbuatan tersebut. Dalam hal ini, setiap individu dapat menentukan keyakinan diri melalui fikiran, perasaan dan tindakannya. Pengalaman dan proses pemikiran tersebut, kemudiannya dinilai sendiri melalui refleksi sendiri:

Socio-cognitive theory posits that self-reference thought acts as a mediator between knowledge and action, and individuals evaluate their own experiences and thought processes through self-reflection.

(Bandura 1989)

Dalam penulisan ini, Teori Sosiokognitif diaplikasikan untuk memenuhi objektif kedua, iaitu menganalisis kebergunaan kit video pembelajaran bahasa yang dihasilkan untuk penutur asing yang ingin mempelajari bahasa Melayu asas. Teori Sosiokognitif sangat berkaitan dengan teori psikologi, teori pembelajaran dan teori tingkah laku. Teori ini beranggapan bahawa pembelajaran berlaku melalui pemerhatian dan peniruan/imitasi. Manusia belajar melalui pemerhatian, penilaian terhadap tingkah laku orang lain, dan membuat generalisasi mengenai dunia di sekitarnya. Dalam usaha menjadikan teori ini efektif, Bandura (1989) menegaskan bahawa proses pemerhatian hendaklah membabitkan (1) perhatian (*attention*), (2) penyimpanan maklumat (*retention*), (3) melakukan kembali (*reproduction*) dan (4) penegasan (*reinforcement*). Justeru, teori ini memerlukan model untuk dijadikan alat pemerhatian dan peniruan. Melalui model, si pemerhati akan dapat mempelajari tingkah laku baru yang dimungkinkan kerana adanya kemampuan kognitif. Dalam konteks kajian ini, kit pembelajaran bahasa yang memuatkan beberapa buah video mengikut tema perbualan dibangunkan dengan memaparkan model sebenar, iaitu lakonan daripada penutur natif bahasa Melayu untuk dijadikan bahan peniruan oleh penutur asing. Representasi kebudayaan yang terkandung di dalam setiap babak video-video tersebut mampu menarik minat penutur asing untuk mempelajari bahasa

Melayu dengan lebih berkesan. Bermula daripada proses pemerhatian yang direpresentasikan ke dalam kognitif sehingga berlakunya peneguhan terhadap tingkah laku model, pelajar perlu membuat penilaian yang bergantung kepada motivasi yang tinggi untuk melakukan sebarang tingkah laku yang bakal ditiru melalui model tersebut. Bandura (2003) menyatakan bahawa pada dasarnya perilaku seseorang bersandar pada ukuran-ukuran normal yang dia yakini. Berikut merupakan konsep penting dalam Teori Sosiokognitif yang dimanfaatkan dalam kajian ini:



RAJAH 3. Konsep Determinisme Resiprokal

Teori Sosiokognitif menjelaskan konsep Determinisme Resiprokal (*Determinism Reciprocal*) atau konsep determinisme timbal balik yang menjelaskan bahawa tingkah laku manusia dalam bentuk interaksi timbal balik yang saling mempengaruhi antara faktor kognitif, tingkah laku dan persekitaran/lingkungannya. Konsep determinisme itu sendiri membawa maksud penentuan kepada berlakunya sesuatu mempunyai sebab akibatnya. Manusia dan lingkungannya merupakan faktor-faktor yang saling menentukan secara timbal balik (Bandura 1977). Crothers et al. (2008) menyatakan bahawa Teori Sosiokognitif menekankan bagaimana faktor kognitif, tingkah laku, peribadi dan persekitaran berinteraksi untuk menentukan motivasi dan tingkah laku. Faktor kognitif merupakan faktor internal manakala faktor sikap/tingkah laku dan persekitaran/lingkungannya merupakan faktor eksternal yang mempengaruhi tingkah laku manusia sama ada baik ataupun buruk. Manusia sebagai makhluk yang mampu berfikir memiliki efikasi sendiri (*self efficacy*) yang bermaksud persepsi terhadap diri sendiri. Melalui efikasi diri tersebut, manusia akan melakukan tindakan yang betul sehingga seterusnya akan mencapai hasil tertentu.

DAPATAN KAJIAN: KIT VIDEO PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU

Sesuai dengan namanya, 'kit video', maka kajian ini secara khusus bertujuan membangunkan video pendek untuk memberikan capaian yang lebih luas kepada penutur asing yang ingin mempelajari bahasa Melayu secara sendiri. Kit video dengan jenama khas, 'Rakan Bahasa' ini boleh dicapai secara talian melalui laman web yang dibangunkan untuk tujuan pengembangan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu untuk penutur asing. Gambar 1 berikut merupakan paparan antara muka ciri khas kit video yang dibangunkan.



GAMBAR 1. Paparan muka kit video

Sumber: FRGS/1/2015/SSI01/UKM/02/9

Berpandukan daripada modul yang telah dikenal pasti, sebanyak 26 kit video yang mencakupi 11 tema utama telah dibangunkan melalui kajian ini. Bagi tujuan perbincangan, kajian ini hanya memaparkan kit video dengan tema sapaan dan tema urusan di kaunter bagi memperkenalkan budaya masyarakat Malaysia.

1. Tema Sapaan

Sapaan merupakan kata-kata yang digunakan untuk menyapa seseorang atau panggilan yang terdiri daripada perkataan-perkataan yang digunakan untuk merujuk individu-individu tertentu berdasarkan atau dikaitkan dengan kedudukannya dalam masyarakat (Kamus Linguistik 1997). Interaksi dan komunikasi dalam masyarakat yang pelbagai memaksa mereka untuk saling dipengaruhi dan mempengaruhi sehingga terdapat seolah-olah peraturan yang mendasari setiap kaum dan bangsa apabila menyapa bangsa yang berlainan. Sapaan merupakan percakapan yang paling asas perlu dipelajari kerana kata-kata tersebut merupakan pemula kepada perbualan dengan

seseorang. Sapaan yang sopan dan berbudi bahasa akan mewujudkan perbualan yang baik dan mewujudkan suasana yang lebih harmoni. Lakukan sapaan bersifat spesifik mengikut budaya sesuatu kaum. Amat Juhari Moain (1989) membahagikan sistem sapaan dalam bahasa Melayu seperti berikut;

- i. Susunan kata yang digunakan pada masa membuat sapaan dan panggilan
- ii. Sebutan senarai orang yang disapa daripada peringkat yang paling kanan hingga peringkat yang di bawahnya.
- iii. Penggunaan kata ganti nama diri.

Berdasarkan tulisan Marlyna dan Mohd Baharim (2011), sapaan dilakukan secara berbeza bergantung kepada budaya dan masyarakatnya kerana masyarakat Malaysia mementingkan kesopanan, adat dan agama. Menurut Amat Juhari (1989) dan Nimmanupap (1994), lakukan sapaan di Malaysia, terutama yang dilakukan oleh etnik Melayu, tertakluk pada faktor sosiopragmatik, seperti hubungan antara penutur, umur, status sosial, kuasa dan juga kedudukan. Lazimnya, penutur asing akan menterjemahkan sapaan 'hello' atau 'hi' untuk menyapa orang lain. Hal ini kerana mereka mendengar penutur Melayu juga menutur sapaan yang sama ketika menyapa orang lain. Berikut merupakan contoh sapaan berdasarkan situasi tertentu.

a) *Ucapan Pemula Sapaan*

Adab menyapa masyarakat Malaysia, khususnya masyarakat Melayu dipengaruhi agama Islam kerana Melayu adalah sinonim dengan Islam, sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, perkara 160 bahawa orang Melayu merupakan seseorang yang menganuti agama Islam. Orang Melayu mempunyai budaya sopan santun yang cukup tinggi, termasuk dalam hal memberikan sapaan kepada orang lain. Walaupun terlihat kecil, namun sering kali ada orang yang tersinggung kerana tidak disapa dengan betul. Orang yang menyapa pula akan sering dianggap sebagai tidak tahu adat atau kurang sopan. Misalnya, apabila orang Melayu menyapa orang Melayu lain (sesama Melayu) atau daripada kaum atau bangsa lain, aspek aurat berlainan jantina, hormat orang yang lebih tua dan berjabat tangan jika sama jantina diberikan

perhatian yang khusus. Bagi penutur asing, mereka agak sukar untuk membezakan ucapan sapaan yang perlu digunakan. Hal seumpama inilah yang perlu dicontohkan dalam kit video yang dibangunkan. Contohnya, sapaan yang dimulakan dengan ucapan 'Assalamualaikum', yang membawa maksud 'selamat sejahtera ke atas kamu' akan diikuti dengan jawapan balas salam 'Waalaikumussalam' yang bermaksud 'selamat sejahtera juga ke atas kamu'. Ucapan salam tersebut sangat sinonim dengan tujuan menyapa yang mementingkan kesejahteraan dan kedamaian. Budaya ini turut diambil kira dan dipaparkan dalam kit video yang dibangunkan. Gambar 2 di bawah merupakan sebahagian daripada paparan dalam kit video yang berkaitan.



GAMBAR 2. Ucapan pemula sapaan antara sesama kaum Melayu atau beragama Islam

Sumber: FRGS/1/2015/SSI01/UKM/02/9

Ucapan pemula sapaan amat penting bagi mewujudkan aspek kesopanan apabila ingin memulakan perbualan dengan seseorang. Hal ini supaya seseorang itu tidak biadab apabila hendak menyapa secara tiba-tiba. Seterusnya, perbualan akan berlangsung dengan lebih lancar. Selanjutnya, bagi memperlihatkan perbezaan sapaan antara kaum bukan Melayu atau agama yang berbeza pula, bentuk sapaan yang lain dicontohkan. Misalnya, apabila orang Melayu menyapa orang Cina atau India atau sebaliknya, biasanya kata 'hai' yang diikuti dengan ucapan selamat, seperti 'selamat pagi', 'selamat tengah hari', 'selamat petang' atau 'selamat malam' digunakan. Penggunaan sapaan 'hai' dipilih kerana sifatnya yang universal dan digunakan oleh negara-negara barat yang lain dengan penggunaan ucapan 'hi'. Ucapan selamat pula diucapkan mengikut kesesuaian

waktu perbualan sedang berlangsung sama ada waktu pagi, tengah hari, petang, atau malam. Gambar 3 adalah bahagian daripada paparan video yang dicontohkan.



GAMBAR 3. Pemula sapaan antara kaum yang berbeza atau agama yang berbeza.

Sumber: FRGS/1/2015/SSI01/UKM/02/9

Penggunaan kedua-dua ucapan sapaan 'hai' dan 'selamat' menunjukkan tahap kesopanan yang tinggi apabila menyapa seseorang. Ia akan menimbulkan rasa senang dalam hati orang yang disapa, seterusnya akan memberikan respons yang baik kepada si penyapa. Ucapan sapaan penting untuk mengelakkan kelakuan menerjah seseorang untuk berbual yang dianggap tidak sopan dalam masyarakat. Berdasarkan prinsip Teori Sosiokognitif, maklumat tentang budaya Melayu ini akan disimpan dalam kognisi pelajar sebagai ingatan dan akan dimanfaatkan semula apabila mereka berhadapan dengan situasi yang sebenar, di luar pembelajaran sendiri. Dalam budaya Malaysia, penutur bahasa Melayu memberikan ucapan salam, 'Assalamualaikum' sebagai memulakan bicara atau sebagai sapaan, manakala bangsa lain pula menggunakan ucapan sapaan 'hai' dan 'selamat'. Namun, bagi penutur asing, khususnya yang berasal dari Timur Tengah yang menggunakan bahasa Arab, ucapan 'Assalamualaikum' lazim bagi mereka, sama ada bagi orang Islam atau bukan Islam. Bagi mereka yang bukan beragama Islam dapat merakamkan ingatan bahawa sapaan yang perlu mereka gunakan ialah 'hai', 'selamat pagi', 'selamat tengah hari', 'selamat petang' atau 'selamat malam'. Melalui perhatian yang diberikan oleh penutur asing, mereka akan dapat memahami situasi sebenar yang berlaku dalam budaya Malaysia. Kit video yang dibangunkan dapat memperkukuh

ingatan sebagai upaya peniruan yang dapat dimanfaatkan pada masa akan datang. Dalam hal ini, kemampuan berfikir secara rasional diperlukan bagi mentransformasikan peristiwa kebahasaan yang ditunjukkan melalui video tersebut kepada tindakan yang bersesuaian. Menurut Bandura (1986), manusia dapat berfikir dan mengatur tingkah laku sendiri dan banyak aspek fungsi keperibadian melibatkan interaksi dengan orang lain.

b) *Penggunaan Kata Ganti Nama*

Selain ucapan sapaan, budaya menyapa masyarakat Malaysia juga sangat mementingkan penggunaan kata ganti nama yang betul dalam perbualan. Kata ganti nama merujuk kepada kata yang digunakan untuk menggantikan kata nama, seperti 'saya', 'dia', 'awak', 'kamu' dan sebagainya. Menurut Amat Juhari (2001), penggunaan bahasa perlu disesuaikan dengan keadaan, suasana serta golongan dan peringkat yang berbeza. Nilai menghormati orang lain selalunya dikaitkan dengan penggunaan panggilan dan kata ganti nama. Kecenderungan masyarakat Melayu, khususnya dalam kalangan generasi muda pada hari ini adalah menggunakan kata ganti nama sendiri tanpa mengambil kira faktor sosial, seperti lawan bicara, situasi, waktu dan tempat. Misalnya, Ana, Shima, Lily, adik dan sebagainya digunakan dalam urusan rasmi. Penggunaan nama peribadi sebagai kata ganti nama bukan sahaja menyebabkan penutur asing keliru kerana kata ganti nama yang sedemikian tidak terdapat dalam bahasa dan budaya mereka, tetapi juga janggal pada pendengaran penutur Melayu sendiri. Amat Juhari (2001) membezakan kata ganti nama berdasarkan status sosial antara penutur dengan seseorang lawan bertutur. Biasanya, status sosial tersebut berkait dengan umur, pangkat dan keakraban. Semakin berusia, memiliki pangkat yang tinggi dan jauh keakraban perhubungan, maka penggunaan kata ganti nama seperti saya, awak, encik, tuan, puan hendaklah digunakan. Dalam kalangan orang Melayu, kata ganti nama sangat penting. Ada orang yang tersinggung hanya kerana tidak dipanggil dengan

'Datuk', 'Datin', 'Profesor' dan sebagainya. Penggunaan kata sapaan ini dicontohkan dalam kit video yang dibangunkan berdasarkan situasi yang berbeza.

Sebagai contoh, penggunaan kata ganti nama 'saya' untuk orang pertama dan 'awak' untuk orang kedua. Bagi penutur asing, kata ganti nama 'saya' adalah terjemahan daripada kata 'I' dan 'awak' atau 'kamu' adalah dari terjemahan 'you' yang tidak ada salahnya untuk digunakan dalam bahasa Melayu. Namun, hal ini pastinya berbeza. Bagi penutur Melayu, ketika mendengar orang bukan Melayu atau penutur asing menggunakan kata 'awak' atau 'kamu' kepada orang yang lebih tua, mereka tentu akan bertanya 'siapa guru yang mengajarkan?'. Oleh itu, bagi memberikan gambaran suasana penggunaan kata ganti nama yang lebih tepat, kit video yang berkaitan dibangunkan agar dapat ditiru dan dihayati oleh pelajar atau penutur asing. Gambar 4 merupakan contoh penggunaannya dalam paparan video tersebut.



GAMBAR 4. Penggunaan kata ganti nama 'saya' dan 'awak'

Sumber: FRGS/1/2015/SSI01/UKM/02/9

Namun, pada masa-masa tertentu kata ganti nama 'aku' untuk orang pertama dan 'kau', iaitu singkatan daripada 'engkau' juga digunakan dalam bahasa Melayu. Selalunya, kata ganti nama ini memerlukan satu perhubungan yang akrab kerana kata ganti nama tersebut agak kurang sopan didengari jika digunakan kepada orang yang lebih tua atau tidak terlalu akrab. Walaupun penggunaan kata ganti nama ini sering didengari, namun penggunaannya hendaklah secara berhati-hati. Golongan yang lebih muda dilarang sama sekali menggunakan kata ganti nama 'aku' dan 'kau' terhadap orang yang lebih tua kerana dianggap kasar dan tidak bersantun.

Selain itu, penggunaan 'aku' dan 'kau' perlu dielakkan dalam situasi rasmi kerana bertujuan untuk menghormati majlis, hadirin, orang sekeliling, dan bagi memudahkan urusan. Contoh penggunaan ganti nama tersebut dipaparkan dalam video seperti yang terdapat dalam Gambar 5 yang berikut:



GAMBAR 5. Penggunaan kata ganti nama 'aku' dan 'kau'

Sumber: FRGS/1/2015/SSI01/UKM/02/9

Apabila menyebut tentang perkaitan antara bahasa dan budaya, faktor kesantunan sangat memainkan peranan. Salah satu aspek yang selalu dibincangkan dalam kesantunan berbahasa ialah jarak sosial, iaitu umur, pangkat, jantina, dan status. Penggunaan kata panggilan seperti 'tuan' atau 'puan', kata ganti nama 'saya', 'awak', 'aku' dan 'kau', sebagai kata sapaan menunjukkan terdapat perbezaan umur antara orang yang menyapa dengan orang yang disapa, sama ada di tempat awam atau ketika berurusan di mana-mana sahaja. Pengamatan pada video tersebut akan menyebabkan pelajar memproses kognitif mereka secara tidak langsung. Penggunaan kata ganti nama berbeza yang berulang-ulang mengikut situasi dan komunikator, akan mengukuhkan ingatan pelajar asing tentang penggunaan kata ganti nama yang bersesuaian. Di sinilah, kecekapan kognitif manusia mampu menanggapi perbezaan yang telah ditunjukkan di dalam video. Belajar melalui pemerhatian dan pengamatan ini akan mengajar mereka untuk lebih sopan apabila menggunakan bahasa Melayu demi mengelakkan sebarang risiko sepanjang perbualan berlangsung.

- c) Berjabat tangan
Selain ucapan sapaan dan penggunaan kata ganti nama yang sesuai, masyarakat Malaysia juga sangat menjaga adab apabila

menyapa seseorang dengan cara berjabat tangan. Walau bagaimanapun, adab berjabat tangan tidak boleh dilakukan sewenang-nya kerana terdapat etika yang perlu dipatuhi. Etika tersebut ialah berjabat tangan sesama Islam boleh dilakukan di antara sesama jantina sahaja kerana agama Islam sangat mementingkan bab aurat. Manakala, penganut agama lain yang umumnya berbangsa Cina dan India bebas berjabat tangan walaupun berbeza jantina. Tertib berjabat tangan yang betul dipersembahkan ke dalam video sebagaimana berikut;



GAMBAR 6. Tertib berjabat tangan

Sumber: FRGS/1/2015/SSI01/UKM/02/9

Gambar 6 menunjukkan tertib berjabat tangan dengan betul yang dimulai dengan salah seorang menghulurkan tangan dan disambut oleh lawannya, kemudian tangan kedua-duanya digenggam erat sambil senyuman terukir di wajah. Tidak hanya setakat itu sahaja, di mana etika berjabat tangan dipindahkan lagi dengan menggerakkan tangan (digoncang sedikit) semasa berjabat tanda kemesraan yang terjalin antara keduanya dan diakhiri dengan meletakkan tangan di dada sebagaimana yang dipersembahkan di dalam gambar 7 di bawah;



GAMBAR 7. Etika berjabat tangan dengan gerakan dan diakhiri dengan meletakkan tangan di dada

Sumber: FRGS/1/2015/SSI01/UKM/02/9

Dalam Teori Sosiokognitif, manusia memperoleh pengetahuan berdasarkan persekitaran budaya dan model yang wujud dalam masyarakat. Itulah yang direpresentasikan melalui video apabila lakuan semasa perbualan berlaku secara semula jadi dan dilakonkan oleh penutur natif bahasa Melayu. Pelakon tersebut bertindak sebagai model peranan, sumber pengetahuan dan pencipta pengetahuan baru dalam interaksi sosiobudaya. Pembelajaran secara tidak langsung berlaku tanpa sedar apabila pelajar melihat kelakuan yang ditonjolkan oleh pelakon tersebut. Seterusnya mereka memikirkan maklumat yang terkandung dalam video tersebut agar dapat diperilakukan semula oleh mereka. Pada masa inilah, proses kognitif sedang rancak diproses. Dalam konteks budaya berjabat tangan yang ditonjolkan dalam video akan menjadi rujukan mereka apabila berinteraksi dengan orang Malaysia. Di sinilah peranan model dalam membentuk sikap pelajar asing supaya menerima pola keterampilan yang berlaku dalam masyarakat bahasa sasaran. Hal ini bersesuaian dengan Teori Sosiokognitif bahawa tingkah laku berbahasa saling berinteraksi secara timbal balik antara faktor kognitif, tingkah laku dan lingkungannya.

2. Tema Urusan Di Kaunter

Di Malaysia, pelbagai urusan rasmi dilakukan di kaunter, contohnya kaunter bank, kaunter pejabat pos, kaunter perkhidmatan pelanggan, kaunter perpustakaan, kaunter pembayaran, kaunter pertanyaan dan lain-lain. Umumnya, urusan di kaunter adalah bersifat rasmi dan penutur bahasa perlu mematuhi tatacara berurusan dengan sopan. Hal ini penting bagi memastikan segala urusan yang dilakukan berjalan lancar dan komunikasi yang berlangsung mudah difahami oleh petugas kaunter dan pelanggan. Apabila adab budaya tidak dipatuhi semasa berada di kaunter, maka seseorang itu akan dianggap biadab dan kurang ajar sehingga mungkin sahaja urusan yang ingin dijalankan tergendala. Sering kali terdapat pelanggan mahupun juru kaunter yang marah atau merungut setelah berurusan di kaunter, hanya disebabkan ada pihak yang dianggap kurang sopan. Awang Sariyan (2007) mengatakan

bahawa seseorang itu boleh dianggap tidak bersopan semasa bertutur apabila tiada kata sapaan yang digunakan bagi memulakan perbualan.

a) *Memulakan urusan*

Bagi memulakan urusan, penutur bahasa perlu mengenal pasti budaya dan suasana persekitaran terlebih dahulu. Hal ini bertujuan mengelakkan rasa tegang ketika berurusan. Sama seperti dalam kit video ucapan sapaan, kit video ini juga dimulai dengan ucapan sapaan tetapi dalam bentuk yang rasmi, dengan menggunakan sapaan rasmi dan kata ganti nama yang bersesuaian. Panggilan 'puan' untuk petugas perempuan dan 'tuan' atau 'encik' untuk petugas lelaki dicontohkan dalam kit video ini. Panggilan 'puan' adalah panggilan umum untuk petugas perempuan, sama ada sudah bersuami atau belum. Nada suara juga dicontohkan dalam kit video ini. Gambar 8 merupakan contoh seseorang memulakan urusan di kaunter perpustakaan yang terdapat dalam kit video yang dibangunkan.



GAMBAR 8. Budaya menyapa petugas kaunter

Sumber: FRGS/1/2015/SSI01/UKM/02/9

Penggunaan ucapan selamat juga tidak terhad kepada urusan sehari-hari yang bersifat tidak rasmi, tetapi juga untuk urusan rasmi, misalnya urusan di kaunter. Memandangkan konsepnya yang bersifat umum, ucapan 'Assalamualaikum' juga digunakan dalam kegiatan rasmi, seperti di kaunter, selagi kedua-dua komunikator beragama Islam. Oleh sebab ucapan 'Assalamualaikum' itu juga merupakan doa, yang bermaksud 'selamat sejahtera ke atas kamu', maka orang Melayu dan mereka yang beragama Islam selesa untuk menggunakan ucapan ini. Berlaku juga keadaan penutur asing yang bukan beragama Islam memberikan salam kepada orang Melayu. Dalam hal ini, lawan bicara tetap berasa tidak selesa dengan

penggunaan ucapan tersebut kerana ucapan 'Assalamualaikum' bukan sekadar ucapan selamat tetapi juga diterima sebagai budaya dalam masyarakat Melayu yang beragama Islam. Justeru, kit video yang dibangunkan dapat membantu memberikan gambaran budaya Malaysia yang sebenar kepada penutur asing. Dengan mengikuti kit video tersebut, pengukuhan dapat dilakukan dalam kognisi untuk mencipta motivasi, dan seterusnya dapat dimanfaatkan untuk diperilakukan pada masa akan datang. Pembelajaran melalui pemerhatian mengajar pelajar untuk berbahasa Melayu dengan lebih berketerampilan. Walaupun tanpa guru, penutur asing masih dapat mempelajari bahasa Melayu, sekali gus budaya Melayu dengan menonton kit video tersebut. Jelas melalui pernyataan Bandura (1986), belajar melalui pemodelan sangat berkesan dalam mewujudkan tingkah laku yang dikawal oleh peraturan.

b) *Mengucapkan terima kasih*

Selanjutnya, setelah urusan selesai, budaya Melayu bahkan budaya-budaya lain juga akan merakamkan ucapan terima kasih. Dalam kit video yang dibangunkan, penutur asing dicontohkan dengan penggunaan ucapan 'terima kasih' oleh pelanggan dan dijawab dengan ungkapan 'sama-sama'. Ungkapan 'sama-sama' bermaksud petugas juga mengucapkan terima kasih kerana telah berurusan dengannya atau menggunakan perkhidmatannya. Gambar 9 merupakan paparan kit video berkaitan budaya Melayu setelah selesai urusan di kaunter.



GAMBAR 9. Budaya mengucapkan 'terima kasih' dan ucapan balasan 'sama-sama'

Sumber: FRGS/1/2015/SSI01/UKM/02/9

Segala lakuan yang baik sewaktu berurusan di kaunter menunjukkan rakyat Malaysia adalah rakyat yang mementingkan

kesantunan. Antara adab dan budaya ketika berurusan di kaunter adalah beratur menunggu giliran, senyum, faham dan tahu tujuan ke kaunter, teknik menyapa yang betul, dan mengucapkan terima kasih sebagai tanda penghargaan kepada petugas kaunter dan penyudah urusan. Dengan adanya tatacara dan ketertiban budaya menyapa dan berurusan di kaunter yang direpresentasikan di dalam kit video tersebut, maka penutur asing yang melalui proses pemerhatian akan memotivasikan diri mereka tentang budaya baik masyarakat Malaysia yang seterusnya perlu mereka ikuti dan laksanakan. Hal ini bertepatan dengan Teori Sosiokognitif yang menekankan pembelajaran melalui pemerhatian dan pemodelan. Sifat video yang boleh dimainkan semula berulang-ulang dengan bantuan teks dialog dapat membantu mewujudkan pengalaman dalam kognisi pelajar sekali gus mengukuhkan ingatan mereka. Ini kerana, manusia berkebolehan mengimbas kembali peristiwa yang berlaku sebelum diluahkan kembali dalam bentuk tindakan untuk disampaikan kepada masyarakat bahasa sasaran.

PERBINCANGAN

Bahasa dan budaya merupakan satu entiti yang tidak dapat dipelajari secara terpisah. Bahasa dapat menjadi wahana penyampai maklumat sekali gus memberikan gambaran budaya masyarakat pemiliknya. Dengan memahami budaya, orang dapat mempelajari bahasa dan cara hidup masyarakat pemilik bahasa tersebut. Mengajarkan bahasa pada hakikatnya juga mengajarkan budaya. Penghasilan modul multimedia yang berbentuk video perbualan bertemakan 'sapaan' dan 'urusan di kaunter' yang difokuskan dalam penulisan ini menunjukkan bahawa masyarakat Malaysia mempunyai norma kebahasaan yang bernilai tinggi. Hal ini kerana setiap kaum di Malaysia memiliki sistem sosial tertentu, iaitu pada sistem susun lapis masyarakatnya dan kebudayaannya. Menurut Amat Juhari (1989), bahasa sebagai satu unsur dalam rangka terdirinya sesuatu kebudayaan memainkan peranannya dalam meneguhkan kedudukan sesuatu kebudayaan. Bahasa juga dijadikan alat untuk menyebarkan unsur-unsur kebudayaan melalui pelajaran dan pendidikan serta mencatat segala perasaan, nilai,

pandangan, keyakinan, falsafah yang dilahirkan oleh sesuatu bangsa dalam menegakkan kebudayaan dan masyarakatnya. Apabila penutur asing datang ke Malaysia, biasanya mereka akan banyak berurusan di kaunter, seperti kaunter pertanyaan, kaunter restoran makanan segera, kaunter khidmat pelanggan, kaunter bank dan lain-lain. Oleh itu, penting bagi mereka mendapat maklumat tentang bahasa dan budaya setempat dengan meniru lakuan berbahasa yang sopan di kaunter seperti cara menyapa dan berterima kasih supaya segala urusan mereka terlaksana dengan sempurna.

Pembelajaran berasaskan pemerhatian dan peniruan melalui kit video pembelajaran bahasa yang menggunakan bahasa Melayu dalam situasi sebenar masyarakat Malaysia lebih mudah untuk difahami, diikuti dan disebut oleh penutur asing. Penggunaan bahasa yang mudah dan ringkas memudahkan penutur asing mempelajari bahasa Melayu, sekali gus mendalami kebudayaan dan struktur sosial masyarakat di Malaysia. Selain itu, kandungan bahan pembelajaran yang tersusun dalam kedua-dua modul pembelajaran, iaitu modul bertulis dan modul multimedia yang interaktif dan dirakam berdasarkan situasi sebenar dapat menaikkan motivasi mereka untuk lebih mudah mempelajari bahasa Melayu. Kandungan yang terdapat dalam kit pembelajaran bahasa membolehkan penutur asing mempelajari bahasa Melayu secara berperingkat-peringkat dan mudah diikuti kerana bermula daripada yang asas sehingga ke tahap yang mendalam dan praktikal. Berdasarkan Teori Sosiokognitif, manusia akan lebih mudah belajar melalui pemerhatian dan peniruan. Justeru, pembinaan kit video pembelajaran bahasa yang dilaksanakan mengikut kesesuaian pengguna, kesesuaian kandungan, objektif dan matlamat pembelajaran, dan persembahan yang menarik diyakini mampu menuntun pengguna dalam mempelajari bahasa Melayu dengan lebih mudah. Hal ini membuktikan pembelajaran bahasa Melayu untuk penutur asing tidak hanya bergantung kepada guru semata-mata tetapi juga dipengaruhi oleh faktor persekitaran dan model peranan yang lain. Hasilnya, akan terlahir penutur asing yang bukan sahaja 'mahir berbahasa' tetapi juga 'berbudi bahasa'.

KESIMPULAN

Dalam mempelajari bahasa asing, Gumperz (1970) menjelaskan bahawa kajian tentang penggunaan bahasa perlu dilakukan dalam konteks sosial

dan hubungannya dengan norma, nilai, dan ciri-ciri budaya yang menguasai percakapan masyarakat tersebut. Mempelajari bahasa asing bukan sesuatu yang mudah. Maka dengan itu, pembelajaran bahasa asing seharusnya disertai dengan norma-norma yang berlaku dalam budaya masyarakat penutur bahasa tersebut. Penguasaan bahasa asing yang baik tidak hanya dilihat pada penguasaan linguistik tetapi juga turut dinilai berdasarkan penguasaan bahasa mengikut konteks, dan pemahaman budaya penutur natifnya. Bagi tujuan mengembangkan bahasa Melayu kepada penutur asing, baik di dalam mahupun luar negara, setiap lapisan anggota masyarakat perlu berusaha lebih keras untuk membantu merealisasikan matlamat mengantarabangsakan bahasa Melayu. Pembelajaran berbantu guru pada masa kini dikatakan agak sukar kerana kekurangan masa dan motivasi sendiri oleh penutur asing. Maka, pemilihan pembelajaran secara sendiri berbantuan kit pembelajaran bahasa diyakini mampu meningkatkan motivasi pengguna kerana sifatnya yang mudah dicapai di mana-mana sahaja. Berdasarkan Teori Sosiokognitif, pembelajaran melalui pemerhatian dan peniruan merupakan salah satu proses belajar yang berkesan. Sikap manusia yang suka mengamati perilaku orang lain dan gemar meniru menjadikan pembelajaran berlangsung dengan lebih cepat. Oleh itu, penggunaan kit video lebih mudah berbanding pembelajaran lainnya kerana boleh diulang-ulang untuk proses peneguhan dan bersifat semula jadi. Aspek kebahasaan, pemilihan grafik, teks, video dan animasi dan representasi unsur budaya yang dipaparkan jelas memberikan perbezaan dan dapat membantu dalam proses pembelajaran. Secara tuntas, kit video pembelajaran bahasa Melayu yang merepresentasikan budaya dalam penyampaiannya akan memudahkan penutur asing untuk lebih mengenal bukan sahaja bahasa, malah masyarakatnya sekali.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah membiayai penyelidikan ini melalui Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) (kod projek: FRGS/1/2015/SSI01/UKM/02/9) yang bertajuk 'Pembinaan Kit Video Pembelajaran Bahasa Melayu untuk penutur Asing: Ke arah Memupuk Pembelajaran Pengaturan Kendiri'.

RUJUKAN

- Amat Juhari Moain. 1989. *Sistem Panggilan dalam Bahasa Melayu: Suatu Analisis Sosiolinguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amat Juhari Moain. 2001. Nilai rasa dalam bahasa Melayu. Dlm. Yaacob Harun. *Kosmologi Melayu*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Atkinson, D. 2002. Towards a sociocognitive approach to second language acquisition. *The Modern Language Journal* 86(iv): 526-545.
- Awang Sariyan. 2007. *Santun Berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ayuni Mohamad Bakari & Rohaidah Kamaruddin. 2016. Faktor ekstralinguistik: Motivasi dalam pembelajaran bahasa kedua dalam kalangan pelajar asing di 5 Universiti di Malaysia. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)* 4(2): 83-92.
- Bandura, A. 1977. Self-efficacy: Toward a unifying theory of behavioral change. *Psychological Review* 84 (2): 191-215.
- Bandura, A. 1986. *Social foundations of thought and action: A social cognitive theory*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall, Inc.
- Bandura, A. 1989. Social cognitive theory. In R. Vasta (Ed.). *Annals of Child Development. Vol. 6. Six Theories of Child Development*. 1-60.
- Bandura, A. 2003. Observational learning. In J.H. Byrne (Ed.). *Encyclopedia of Learning and Memory*. 2nd (Ed). 482-484.
- Branch, R.M. 2009. *Instructional Design: The ADDIE Approach*. New York: Springer Publisher.
- Crothers, L.M., Hughes, T.L., & Morine, K.A. 2008. *Theory and Cases in School-based Consultation: A Resource for School Psychologist, School Counselors, Special Educators, and other Mental Health Professionals*. New York: Routhledge Taylor & Francis Group.
- Kamus Linguistik*. 1997. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Elly Rossana. 2017. Dinamisasi kebudayaan dalam realitas sosial. *Jurnal Al-Adyan* 12(1): 16-30.
- Gumperz, J.J. 1970. Sociolinguistics and communication in small groups. Language Behavior Research Laboratory. Working Paper No. 33. 1-33.
- Huntington, P.S. 1996. *The Clash of Civilizations and the Remaking of World Order*. New York: Simon and Shcuster Publisher.
- Junaini Kasdan. 2011. Sikap, persepsi dan tahap penguasaan bahasa Melayu remaja Malaysia: Analisis Sosiokognitif. Tesis Ph.D, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Keraf, G. 1997. *Komposisi: Sebuah Pengantar Kemahiran Bahasa*. Ende-Flores: Nusa Indah.
- Khairi Abu Syairi. 2013. Pembelajaran Bahasa dengan pendekatan budaya. *Jurnal Dinamika Ilmu* 13(2)-Dis.
- Koentjaraningrat. 1989. *Pengantar Ilmu Antropologi*. Jakarta: Aksara Baru.
- Liddicoat, A.J, Papademetre, L, Scarino, L, & Kohler, M. 2003. *Report on Intercultural Language Learning*. Canberra: Australian Department of Education, Science and Training.
- Marlyna Maros & Mohd Baharim Mayidin. 2011. Jenis dan fungsi sapaan serta persepsi kesantunan dalam interaksi di kaunter pertanyaan. *Jurnal Bahasa* 11(2): 219-226.

- Nimmanupap, S. 1994. *Sistem Panggilan dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Thai: Suatu Analisis Sosiolinguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noor Zuhidayah Mohd Zulkiffi & Siti Saniah Abu Bakar. 2016. Strategi pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar di Jerman. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik* 4(2): 10-19.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Junaini Kasdan, & Zaharani Ahmad. 2010. Sosiokognitif pelajar remaja terhadap bahasa Melayu. *Gema Online Journal of Language Studies* 10(3): 67-87.
- Nor Hashimah Jalaluddin. 2010. Sosiokognitif dan penguasaan pragmatik bahasa Melayu remaja Malaysia: kupasan ilmiah. *Prosiding Seminar Sehari "Penguasaan Bahasa Melayu Remaja Malaysia"*. 1-19.
- Nur Fadilah Abdul Basit, Isa Hamzah & Harun Baharudin. 2017. Strategi kognitif dalam pembelajaran kosa kata bahasa Arab. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences* 6(1): 41-51.
- Perlembagaan Persekutuan*. 2010. Kuala Lumpur: Pesuruhjaya Penyemak Undang-undang, Malayan Law Journal Sdn. Bhd. dan Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Roshidah Hassan. 2017. Gaya dan strategi pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Perancis. *Gema Online Journal of Language Studies* 17(1): 125-146.
- Rossett, A. 1987. *Training Needs Assessment*. Englewood Cliffs, NJ: Educational Technology Publications.
- Syed Ismail Syed Mustapa & Ahmad Subki Miskon. 2010. *Budaya dan Pembelajaran*. Perak: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Yong Chyn Chye, Siti Saniah Abu Bakar, Chan Tze-Haw & Vijayaletchumi A/P Subramaniam. 2010. Strategi pelajar antarabangsa belajar bahasa Melayu di institusi pengajian tinggi. *Proceedings of the 4th International Conference on Teacher Education: Join Conference UPI & UPSI*. Bandung, Indonesia. 8-10 November 2010.
- Zaliza Mohamad Nasir & Zaitol Azma Zainon Hamzah. 2014. Sikap dan motivasi pelajar terhadap pembelajaran bahasa Melayu. *Procedia – Social and Behavioural Science* 134: 408-415.

Yusmaniza Mohd Yusoff
Pelajar Ph.D
Institut Alam dan Tamadun Melayu,
Universiti Kebangsaan Malaysia
E-mel: yusmaniza.ukm@gmail.com

Nor Hashimah Jalaluddin (Ph.D)
Pusat Penyelidikan Kelestarian Sains Bahasa
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
E-mel: shima@ukm.edu.my

Junaini Kasdan (Ph.D)
Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), UKM
Foreign Language Centre, Feng Chia University (FCU), Taiwan
E-mel: junaini@ukm.edu.my

Hasnah Mohamad (Ph.D)
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK), UPM
E-mel: hasnah_m@upm.edu.my

Diserahkan: 7 Ogos 2018
Diterima: 8 Januari 2019

